

SOALAN NO: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH
[KUBANG KERIAN]

TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah peruntukan pembangunan yang telah dibelanjakan oleh pihak Kerajaan untuk negeri Kelantan sepanjang RMKe-9 dan RMKe-10.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi RMKe-9, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM 6.195 billion manakala bagi RMKe-10, sebanyak RM 5.325 billion telah disalurkan untuk membiayai projek-projek pembangunan di negeri Kelantan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]**

TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 27

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan pemeriksaan kesihatan secara berkala kepada pemegang lesen memandu warga emas bagi memastikan tahap kesihatan mereka adalah sesuai dan baik untuk memandu memandangkan semakin banyak kes kemalangan melibatkan warga emas yang berpunca daripada masalah kesihatan semasa memandu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk mewajibkan pemegang lesen di kalangan warga emas menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala. Perkara ini mengambil kira perundangan sedia ada telah menetapkan tanggungjawab pemegang lesen untuk memastikan tahap kesihatan dan keadaan fizikal mereka dalam keadaan baik dan memuaskan serta tidak membahayakan pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk mewujudkan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih selamat kepada orang awam, pemeriksaan kesihatan secara berkala sememangnya telah diwajibkan terhadap pemegang lesen vokasional, *Public Service Vehicles (PSV)*. Selain itu, peraturan ini juga turut dikuatkuasakan terhadap pemegang lesen vokasional, *Goods Driving License (GDL)*. Penguatkuasaan ini bertujuan untuk memastikan pemilik lesen vokasional tidak mengalami apa-apa penyakit atau ketidakupayaan fizikal yang boleh mengganggu kerja/tugas mereka sebagai pemandu kenderaan komersil yang boleh membahayakan penumpang atau pengguna jalan raya yang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap isu keselamatan jalan raya, Kerajaan sentiasa memantau status berkaitan perkara ini dan akan mempertimbangkan sekiranya terdapat keperluan pada masa akan datang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH]**

TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 28

Y.B. Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci bilakah cadangan perkhidmatan kereta api elektrik dari Johor Bahru ke Kedah dan Kelantan boleh dilaksanakan dengan sepenuhnya serta anggaran kos yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, landasan berkembar elektrik yang telah siap dibina adalah dari sektor Padang Besar ke Gemas. Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas ke Johor Bahru belum dilaksanakan secara fizikal. Setakat ini, dokumen tender, reka bentuk awalan dan jajaran landasan berkembar dari Gemas ke Johor Bahru telah dimuktamadkan dan proses pengambilan balik tanah sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Tempoh pembinaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas ke Johor Bahru adalah selama 48 bulan. Sehubungan itu, perkhidmatan keretapi elektrik ke Johor Bahru hanya akan dapat dilaksanakan selepas Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas ke Johor Bahru siap dilaksanakan dengan anggaran kos RM7.5 billion.

Bagi perkhidmatan keretapi elektrik ke Kelantan, Kerajaan belum ada perancangan untuk menaiktaraf landasan sedia ada kepada landasan berkembar elektrik.